

Penerokaan ilmu harus utamakan nilai, akhlak

Khazanah ilmuan terdahulu wajar jadi paksi pembangunan negara MADANI

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching: Penerokaan ilmu dan teknologi baharu bagi membangun negara harus disusuli dengan usaha untuk mengekalkan khazanah ilmu kemanusiaan yang diwarisi daripada ilmuan terdahulu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata ilmu asas yang menekankan kepada nilai dan akhlak itu perlu diberikan keutamaan khususnya dalam pembangunan negara MADANI.

"Satu aspek yang sangat penting dalam negara MADANI ialah negeri harus makmur dan berkembang, tetapi mesti berakar kepada keyakinan. Mesti meletak soal nilai dan akhlak sebagai paksinya,

"Oleh itu, usaha untuk meneroka ilmu dan teknologi baharu yang penting harus tidak dipisahkan dengan khazanah ilmu kemanusiaan, yang mengandungi nilai ihsan, rahmah dan kemanusiaan," katanya.



Anwar dan Abang Johari merasmikan Seminar Antarabangsa Imam As-Syafi'i di Kuching, semalam. Turut hadir Mufti Sarawak, Datuk Kifli Yaasin (kanan) dan Awang Tengah. (Foto Nadim Bokhari/BH)

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Antarabangsa Imam As-Syafi'i di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCKK), di sini, semalam.

Kelemahan dunia Barat

Turut hadir, Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg dan Timbalannya, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan.

Seminar dua hari anjuran Jabatan Mufti Sarawak dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya itu disertai kira-kira 1,300 peserta dari Malaysia, Brunei, Indonesia, Jordan

dan Yaman.

Anwar berkata, kelemahan besar dunia Barat dari sudut pemikiran dan falsafah adalah kegagalan mereka mengaitkan ilmu baharu yang diperoleh dengan khazanah ilmu yang diwarisi mereka sebelum itu.

"Oleh kerana terputus, maka muncul ilmu dan teknologi baharu yang penting, tetapi hilang nilai, ihsan, rahmah dan kemanusiaannya," katanya.

Perdana Menteri menambah, beliau kagum dengan pendekatan di Sarawak, yang sudah lama mewarisi prinsip "li ta' arafu" iaitu konsep dalam Islam, yang

menekankan toleransi dan hormat-menghormati antara kaum yang berbeza.

"Li ta' arafu itu bukan sahaja toleransi tetapi arif, tahu, kita kenal, kita hormat perbezaan, kepelbagaian dan ini juga menjadi tonggak di Sarawak yang kita harapkan akan dipupuk dalam negara MADANI.

"Ini yang membuatkan saya mencungkil pengalaman Sarawak kerana negeri ini mendepani dalam beberapa hal pembangunan, ekonomi, digital dan teknologi hijau, namun terus mengekalkan khazanah lama sebagai rujukan," katanya.